DEPUTY PRIME MINISTER

PRESS STATEMENT

For Immediate Release

Strengthening Malaysia-China Relations: A New Era for Halal Trade and Diplomacy

Today has been a privilege to address over 30 companies at the Malaysia-China Halal Gateway Dialogue in Shanghai. This forum, organized by Halal Development Corporation Berhad (HDC) and in collaboration with China Silk Road Group Ltd, marks a significant moment in our efforts to enhance bilateral trade and investment in the halal sector.

The halal industry transcends mere commerce; it is a global movement anchored in trust, quality, and adherence to stringent standards. Malaysia, having pioneered this field, has evolved from a basic certification system 50 years ago to becoming a globally esteemed authority in halal certification.

China, with its substantial Muslim population of approximately 30 million, represents a considerable market opportunity. Despite the complexities associated with halal export protocols and regulatory challenges, the potential for growth is vast, especially through strategic partnerships. **As of July 2024, China stands as a major destination for Malaysian halal exports, valued at RM6.25 billion (USD 1.4 billion).** However, there remains significant untapped potential, particularly in areas of certification and market recognition.

The global halal market, as highlighted in the State of the Global Islamic Economy Report 2023/24, is experiencing remarkable growth. The Muslim consumer market reached $2.29 trillion in 2022, marking a 9.5% increase from the previous year. This burgeoning market presents extensive opportunities for both Malaysia and China. **The Halal Industry Master Plan (HIMP) 2030 aligns with our vision to create new market spaces and enhance our global presence.**

Moreover, the halal market offers substantial opportunities, particularly within the BRICS countries and ASEAN. The BRICS nations, including China, India, and Russia, hold a significant share of the global halal market. Together with ASEAN's substantial market, these regions account for over USD 1.4 trillion of the global halal market. This underscores the immense potential for collaboration between Malaysia and China in these high-growth markets. By leveraging the frameworks of BRICS and ASEAN, we can strategically position ourselves to capture a significant share of this expanding market.

One of our key challenges is the recognition of halal certificates. Malaysia acknowledges 88 certification bodies globally, including 6 from China. However, harmonizing these standards is still a work in progress. This forum serves as an excellent platform to explore solutions, streamline certification processes, and enhance cooperation between our nations.

Malaysia remains committed to supporting Chinese companies with halal certification, consultation, training, and trade facilitation through HDC. Our objective is to simplify the process for Chinese businesses to enter and thrive in Malaysia before going into the global halal market.

By strengthening our collaboration and addressing certification issues, we can unlock significant potential for both Malaysia and China, particularly within the BRICS and ASEAN regions.

In conclusion, while challenges do exist, the opportunities before us are immense. **We must also recognize the importance of halal diplomacy. Malaysia values our partnerships and alliances in the halal sector.** By working together, we can leverage our strengths, share expertise, and ensure that our halal products meet the highest standards for Muslim consumers worldwide.

AHMAD ZAHID HAMIDI
DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA

10 SEPT 2024

TIMBALAN PERDAN MENTERI

KENYATAAN MEDIA

Memperkukuh Hubungan Malaysia-China: Era Baharu Perdagangan Halal dan Diplomasi

Hari ini lebih 30 syarikat mengikuti sesi Dialog Gerbang Halal Malaysia-China di Shanghai anjuran Halal Development Corporation Berhad (HDC) dan dengan kerjasama China Silk Road Group Ltd. Sesi dialog ini merupakan satu detik penting ke arah meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala dalam sektor halal.

Industri halal bukanlah tentang perniagaan semata-mata; ianya satu gerakan global yang bertunjangkan kepercayaan, kualiti, dan pematuhan kepada piawaian yang ketat. Malaysia, telah mempelopori bidang ini sejak 50 tahun lalu telah berkembang daripada sistem pensijilan asas menjadi pelopor pensijilan halal yang disegani di peringkat global.

China memiliki peluang pasaran yang besar dengan populasi Islam berjumlah kira-kira 30 juta orang. Meskipun terdapat sedikit cabaran berkait protokol eksport halal dan kawal selia di negara ini - potensi pertumbuhannya masih dilihat memberangsangkan menerusi jalinan-jalinan kerjasama strategik yang telah dilakukan. Sehingga Julai 2024, **China merupakan destinasi utama eksport halal Malaysia, dengan nilai traksaksi berjumlah RM6.25 bilion (USD 1.4 bilion).** Walau bagaimanapun, masih terdapat potensi besar yang belum diterokai terutamanya dalam bidang pensijilan dan pengiktirafan pasaran.

Laporan Ekonomi Islam Global 2023/24 turut menyatakan bahawa pasaran halal global sedang mengalami pertumbuhan yang luar biasa. Perbelanjaan oleh pengguna Muslim sahaja telah mencecah $2.29 trilion pada 2022 iaitu peningkatan 9.5% daripada tahun sebelumnya. Pasaran yang sedang berkembang ini memberikan peluang yang luas kepada Malaysia dan China dan sejajar dengan visi Pelan Induk Industri Halal (HIMP) 2030 untuk mewujudkan pasaran baharu dan meningkatkan pengusaan di peringkat global.

Selain itu, pasaran halal turut menawarkan peluang yang besar di dalam BRICS dan ASEAN. Negara-negara BRICS, termasuk China, India, dan Rusia memiliki ruang yang signifikan untuk diterokai bersama. Di ASEAN, rantau ini telah menyumbang lebih daripada USD 1.4 trilion bagi pasaran halal global. Dengan memanfaatkan rangka kerja BRICS dan ASEAN, kerjasama antara Malaysia dan China dilihat berupaya menguasai sebahagian besar pasaran dan memacu industri ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, isu mengenai pengiktirafan pensijilan halal masih menjadi salah satu cabaran utama yang perlu ditangani. Sehingga kini, Malaysia mengiktiraf 88 badan pensijilan di seluruh dunia termasuk 6 daripadanya dari China. Langkah untuk menyelaraskan piawaian oleh badan-badan pensijilan halal ini telah dimulakan dan sedang di dalam proses untuk mencapai kesepakatan terbaik. Oleh itu, forum ini salah satu usaha bagi menyediakan platform terbaik bagi meneroka penyelesaian, menyelaraskan proses pensijilan, dan meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Meskipun begitu, Malaysia kekal komited untuk menyokong syarikat-syarikat China dengan pensijilan halal, perundingan, latihan dan kemudahan perdagangan melalui HDC. Objektif kita jelas bagi memudahcara proses perniagaan China yang memenuhi standard halal untuk memasuki pasaran Malaysia sebelum ianya berkembang lebih jauh ke pasaran halal global.

Kesimpulannya, meskipun masih wujud cabaran melibatkan industri halal ini, namun kita perlu terus bergerak ke hadapan dengan melihat peluang dan potensi besar yang tersedia untuk diterokai dengan mengukuhkan kerjasama bagi menangani sebarang isu melibatkan pensijilan halal bagi bersama-sama meneroka potensi pasaran baharu menerusi BRICS dan ASEAN.

Pada masa yang sama, kita juga harus mengiktiraf kepentingan diplomasi halal serta menghargai perkongsian dan kerjasama yang telah dimeterai. Dengan itu, kedua-dua negara boleh memanfaatkan kekuatan masing-masing, berkongsi kepakaran, dan memastikan produk halal yang dipasarkan mampu memenuhi piawaian tertinggi untuk pengguna Muslim di seluruh dunia.

AHMAD ZAHID HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI

10 SEPT 2024